

Garis Panduan

PERANAN AHLI JK PENYELIAAN & AHLI JK PEPERIKSAAN TESIS



**YANG TELAH BERSARA/
TAMAT PERKHIDMATAN
DALAM PROSES
PEPERIKSAAN TESIS PELAJAR**

**GARIS PANDUAN PERANAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN DAN
AHLI JAWATANKUASA PEPERIKSAAN TESIS YANG TELAH BERSARA/TAMAT
PERKHIDMATAN
DALAM PROSES PEPERIKSAAN TESIS PELAJAR**

Garis Panduan ini adalah sebagai rujukan Fakulti/Institut bagi menangani isu Ahli Jawatankuasa Penyeliaan dan Peperiksaan Tesis yang telah bersara atau tamat perkhidmatan setelah pelajar menyerahkan tesis untuk peperiksaan.

Peranan Jawatankuasa Penyeliaan

- (a) mengekalkan Pengerusi dan lain-lain ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang telah bersara/tamat perkhidmatan (termasuk meninggal dunia dan tidak berkeupayaan untuk menjalankan tugas) bagi pelajar yang telah menyerahkan tesis untuk peperiksaan; dan
- (b) jika Pengerusi yang bersara/tamat perkhidmatan (termasuk meninggal dunia) kebenaran diberikan kepada ahli Jawatankuasa Penyeliaan atau Dekan Fakulti/Pengarah Institut untuk bertindak bagi pihak Pengerusi dalam menandatangani borang pengesahan pembetulan tesis selepas *viva voce*. Pengerusi asal dikekalkan sebagai ahli Jawatankuasa Penyeliaan seperti perkara (a) di atas.

Peranan Jawatankuasa Peperiksaan Tesis

- (a) jika pemeriksa tesis yang bersara/tamat perkhidmatan, kebenaran diberikan kepada pemeriksa tersebut untuk terus menilai tesis pelajar, menghadiri *viva voce* dan menandatangani pengesahan jika mereka telah menerima pelantikan sebelum bersara/tamat perkhidmatan. Ini adalah disebabkan pelantikan mereka adalah atas kapasiti kepakaran masing-masing. Melainkan Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Tesis yang bersara/tamat perkhidmatan maka ianya perlu diganti. Ini adalah disebabkan lantikan Pengerusi adalah atas kapasiti sebagai wakil Dekan SPS dan mesti dalam tempoh perkhidmatan.
- (b) jika pemeriksa tesis meninggal dunia selepas pelajar lulus *viva voce* (dengan pembetulan), kebenaran diberikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Tesis atau Dekan Fakulti/Pengarah Institut untuk bertindak bagi pihak pemeriksa dalam menyemak pembetulan tesis dan menandatangani pengesahan pembetulan tesis pelajar.
- (c) jika Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Tesis meninggal dunia selepas pelajar lulus *viva voce* (dengan pembetulan), kebenaran diberikan kepada Dekan Fakulti/Pengarah Institut untuk bertindak bagi pihak Pengerusi dalam menyemak pembetulan tesis dan menandatangani pengesahan pembetulan tesis pelajar.



www.sgs.upm.edu.my